

Mahathir: Ceburi industri makanan

BUTTERWORTH 18 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru para usahawan baru terutamanya bumiputera supaya menceburkan diri dalam industri makanan dan minuman kerana ia mempunyai masa depan yang cerah serta pasaran yang meluas.

Beliau berkata, pengeluaran industri pemprosesan makanan telah meningkat daripada RM4.6 bilion pada tahun 1986 kepada RM9.4 bilion pada tahun lalu.

Di samping itu, katanya, industri minuman juga dijangka berkembang dengan pesat pada masa akan datang memandangkan prospek ekonomi yang menggalakkan dan peningkatan populariti kedai-kedai makanan segera serta peningkatan jumlah penduduk.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir memuji langkah awal Kumpulan Barkath Sdn. Bhd., iaitu salah sebuah syarikat yang terlibat dalam industri makanan dan minuman kerana berjaya mengadakan usahasama dengan Co-Ro Food Denmark untuk mengeluarkan jus serta pati minuman Sunquick.

"Oleh itu, inovasi dan ketekunan yang ditunjukkan oleh

kumpulan ini akan mendorong syarikat-syarikat bumiputera yang lain untuk mempertingkatkan usaha bagi memasuki pasaran baru dan usahasama dengan syarikat asing," katanya ketika berucap merasmikan pembukaan kilang baru Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn. Bhd., di kawasan perindustrian Mak Mandin dekat sini petang ini.

Dr. Mahathir berkata, memang menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan usahasama di antara syarikat bumiputera dengan syarikat asing bagi membolehkan bumiputera meningkatkan lagi mutu perniagaan mereka.

Jelasnya, salah satu bidang yang boleh diberi keutamaan oleh usahawan baru ialah industri pembuatan makanan dan minuman.

Selama ini, kata Dr. Mahathir, Malaysia masih bergantung kepada pengimportan makanan yang diproses.

"Kini dianggarkan bahawa 70 peratus bahan mentah yang digunakan dalam industri ini adalah diimport dan walaupun prestasi eksport sektor ini semakin bertambah baik iaitu meningkat daripada RM812 juta pada tahun 1986 kepada RM2,026 juta pada tahun lalu tetapi import turut meningkat dari-

pada RM1,129 juta kepada RM2,363 juta dalam tempoh yang sama," ujarnya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, keadaan ini perlulah diubah dan peluang untuk berbuat demikian mestilah direbut oleh usahawan-usahawan tempatan.

Dr. Mahathir berkata, sebagai usaha menggalakkan industri minuman tempatan berkembang, kerajaan telah menawarkan beberapa galakan cukai.

Antaranya, pengeluaran jus buah-buahan dengan menggunakan buah-buahan tempatan adalah digalakkan dan skim ini adalah layak untuk dipertimbangkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Langkah ini, menurut Dr. Mahathir adalah untuk mewujudkan industri pengeluaran dan pemprosesan makanan yang kukuh dengan meningkatkan lagi aktiviti nilai ditambah.

"Penubuhan projek seumpama ini akan dapat membantu memperkembangkan industri minuman di Malaysia terutamanya untuk memastikan pembangunan jangka panjang industri pengeluaran makanan dan industri pemprosesan yang berkaitan," ujarnya.

Dr. Mahathir menambah, di samping memenuhi permintaan tempatan, terdapat juga skop untuk mengeksport jus buah-buahan dan sari jus buah-buahan Malaysia ke luar negara.

Menurut beliau, dalam hubungan ini, eksport jus buah-buahan dan sari jus buah-buahan pada tahun lalu hanyalah sebanyak RM17 juta manakala pasaran antarabangsa untuk jus pula dianggarkan sebanyak RM11 bilion.

"Oleh yang demikian saya melihat masih terdapat banyak peluang untuk syarikat Malaysia terutamanya usahawan bumiputera menceburi bidang ini dan bersedia bersaing di pasaran antarabangsa," tegas Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa dalam usaha mempergiatkan pembangunan industri berorientasikan eksport, satu hakikat yang harus diambil kira ialah proses perindustrian melibatkan beberapa perubahan pesat terutamanya dalam teknologi yang meliputi aspek kemahiran dan keupayaan pengurusan.

Untuk itu, beliau berkata, Malaysia perlu meninggikan tahap teknologi, kemahiran keusahawanan dan kualiti pekerja serta pengurusan.